

### Pemborong jual mahal ayam dikompaun

**Kuantan:** Sebuah syarikat pemborong ayam di sini, dikompaun RM5,000 kerana kesalahan menjual ayam standard melebihi harga kawalan ditetapkan.

Ketua Pegawai Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang, Ahmad Fitri Ali berkata, tindakan itu dilakukan selepas sepasukan anggota penguat kuasa Pahang melakukan siasatan berdasarkan aduan peruncit sekitar Kuantan.

“Berdasarkan bukti invois daripada peniaga runcit serta bil yang ditemui di premis itu mendapati pemborong terbabit melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011.

“Berikutan itu, pemborong terbabit dikompaun RM5,000 atas kesalahan yang dilakukan,” katanya.

